

**RUMAH GADANG**, rumah tradisional yang dimiliki bersama sebagai rumah pesaka oleh keluarga matrilineal di daerah Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia. Rumah ini menjadi pusat pengaturan segala yang bersangkutan dengan kehidupan para kerabat matrilineal, dan juga melambangkan semangat demokrasi kerana di sinilah tempat rakyat bermusyawarah dan melaksanakan

acara adat serta acara keagamaan.

Rumah gadang berbentuk memanjang yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian belakang sebagai bilik tidur dan bahagian hadapan sebagai tempat pertemuan untuk membicarakan segala masalah yang bersangkutan dengan urusan keluarga. Beberapa bilik tidur yang sama bentuk dan luasnya terletak berderet di belakang rumah. Atapnya dibuat tirus ke hujung seperti tanduk kerbau. Penutup atap dibuat daripada daun alang-alang, rumbia, atau ijuk, tetapi kini banyak dibuat daripada zink.

Berdasarkan model adatnya, ada dua macam bentuk rumah gadang iaitu:

- Rumah gadang menurut adat Koto Piliang adalah rumah yang dibuat beranjung dan lantai bahagian pinggir lebih tinggi daripada bahagian tengah dan lantai balairungnya tidak rata. Hal ini menunjukkan perbezaan darjat dan tingkat adat Koto Piliang yang menunjukkan bahawa penghulu (kepala kesatuan keturunan matrilineal) tidak sama tingkatannya. Anjung ini merupakan rumah utama untuk berkumpul atau mengadakan upacara.
- Rumah gadang menurut adat Bodi Caniago adalah rumah yang lantainya dibuat rata dan tidak beranjung, sesuai dengan sistem pemerintahan yang menyatakan bahawa setiap penghulu sama darjatnya.

Jumlah bilik tidur di dalam rumah gadang ditentukan oleh jumlah anak perempuan daripada ibu asal. Anak lelaki tidak tidur di rumah itu, sebaliknya mereka tidur di surau atau masjid atau di rumah isterinya bagi lelaki yang sudah berkahwin. Dengan demikian, seorang suami berhubungan dengan anggota rumah isterinya walaupun di sana dia hanya dianggap sebagai 'urang sumando'. Sebaliknya, seorang isteri biasanya tidak terlalu rapat hubungannya dengan anggota rumah suaminya. Namun pada peristiwa tertentu, kehadiran isteri di rumah kaum suaminya diharuskan oleh adat, misalnya ketika ada kelahiran, kematian dan kenduri. Di pihak rumah suaminya, seorang isteri disebut 'sumandan'.

Pemilikan rumah gadang berpihak kepada orang perempuan. Oleh sebab itulah, ketua keluarga dalam rumah itu adalah orang perempuan ataupun ibu tertua (bundo). Ibu tertua ini pula yang secara praktis berkuasa terhadap penggunaan harta pusaka oleh setiap anggota keluarga. Di samping peranan ibu tertua, peranan saudara lelaki ibu (mamak) juga sangat besar dalam sesebuah rumah adat ini. Mamak berfungsi sebagai pemelihara kesatuan anggota rumah dan penjaga martabat rumah ke luar lingkungannya. Mamak juga mengawasi penggunaan atau pemanfaatan harta pusaka. Bundo dan mamak bersama-sama berusaha mengembangkan dan menambah jumlah harta pusaka keluarga. Selain itu, tugas seorang mamak adalah sebagai pembimbing dan pemelihara kemenakannya.